

Pengenalan Awal Kisah Sarah Dalam Al-Quran

The Introduction To The Story Of Sarah In Al-Quran

Ainul Mardhiah Ahmad Badaruddin
¹Ahmad Fakhurrazi Mohammed Zabidi

Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: ¹izzar@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kepelbagaian kisah dalam al-Quran bertujuan supaya umat Islam mengambil pengajaran daripada sejarah yang lalu. Ada perkara yang perlu dicontohi dan ada pula yang perlu untuk dielakkan. Kisah-kisah ini meliputi pelbagai golongan, termasuklah Wanita. Salah satu kisah Wanita yang diceritakan dalam al-Quran ialah kisah Sarah, isteri pertama Nabi Ibrahim AS. Namun, kajian tentang Sarah kurang mendapat perhatian berbanding isteri kedua Nabi Ibrahim iaitu Hajar. Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan pengenalan awal berkenaan dengan latar belakang Sarah dan sirahnya dalam al-Quran. Metodologi yang digunakan ialah kualitatif dengan rekabentuk kajian teks. Teks yang dipilih ialah Tafsir al-Azhar karya Prof Dr Hamka. Hasil kajian mendapati kisah Sarah diceritakan dalam tiga surah yang berbeza iaitu Surah Hud, Surah al-Hijr dan Surah Ad-Dzariyat. Kisah ini wajar untuk mendapat perhatian yang seimbang seperti perbincangan yang berlaku terhadap Hajar. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa Tafsir al-Azhar menggunakan pendekatan tafsir ilmi. Hamka mengetengahkan teks ayat al-Qur'an dengan maknanya untuk membantu pembaca lebih memahami maksud dan kandungan sesebuah ayat.

Kata Kunci: *Kisah, Sarah, Al-Quran, Tafsir al-Azhar.*

ABSTRACT

The variety of stories in the Qur'an is intended for Muslims to learn from past history. There are things to emulate and there are things to avoid. These stories cover a wide range of groups, including Women. One of the stories of Women narrated in the Quran is the story of Sarah, the first wife of Prophet Ibrahim AS. However, the study of Sarah received less attention than the second wife of the Prophet Ibrahim, Hajar. This study aims to reveal an early introduction with respect to Sarah's background and her sirah in the Quran. The methodology used is qualitative with a text study design. The selected text is Tafsir al-Azhar by Prof Dr Hamka. The study found that Sarah's story was told in three different surahs, namely Surah Hud, Surah Hijr and Surah Ad-Dzariyat. This story deserves a balanced attention as the discussion that took place against Hajar. In addition, the study also found that Tafsir al-Azhar uses the tafsir ilmi. Hamka highlights the text of a verse of the Qur'an with its meaning to help the reader better understand the meaning and content of a verse.

Keywords: *Story, Sarah, al-Quran, Tafsir Al-Azhar.*

1. Pengenalan

Umat Islam perlu mengambil iktibar daripada kisah-kisah yang terdapat dalam al-Quran. Perhatian para mufassir terhadap kisah-kisah dalam al-Quran amat nyata sekali sehingga para ulama meletakkannya sebagai salah satu cabang *ulum al-Quran* iaitu *Qasas al-Quran*. Menurut M. Quraish Shihab dalam Aidin Maghfiroh (2018:20), kata kisah diambil daripada Bahasa Arab *qissah*, kata ini sama seperti kata *Qassa*. Tidak jauh beza daripada pandangan Abdul Mustaqim (2011), kata kisah berasal daripada Bahasa Arab iaitu *qishshah*, bentuk jamaknya ialah *qashah*.

Penelitian terhadap al-Quran menunjukkan perkataan 'kisah' mempunyai beberapa makna yang tersendiri. Ayat 64 Surah al-Kahfi merakamkan kisah dengan maksud menurut jejak. Firman Allah SWT:

قَالَ ذَلِكَ مَا كُنَّا نَبْغِ فَأَرْتَدَّا عَلَىٰ آثَارِهِمَا قَصَصًا (64)

(Surah Al-Kahfi: 64)

Maksud: *Nabi Musa berkata: "Itulah yang kita kehendaki "; merekapun balik semula ke situ, dengan menurut jejak mereka (64).*

Berlainan pula dengan ayat 57 Surah Al-An'am yang membawa maksud menceritakan kebenaran. Firman Allah SWT:

قُلْ إِنِّي عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي وَكَذَّبْتُمْ بِهِ مَا عِنْدِي مَا تَسْتَعْجِلُونَ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ يَفْصِلُ الْفَاصِلِينَ (57) وَهُوَ خَيْرُ

(Surah Al-An'am: 57)

Maksud: *Katakanlah: "Sesungguhnya aku tetap berada di atas (kebenaran yang berdasarkan) bukti-bukti yang nyata (Al-Quran) dari Tuhanku; sedang kamu mendustakannya. Tidak ada padaku apa yang kamu minta disegerakan (dari azab seksa); hanya Allah jualah yang menetapkan hukum; Ia menerangkan kebenaran, dan Dia lah sebaik-baik yang memberi keputusan" (57).*

Dalam beberapa ayat yang lain, secara umumnya 'kisah' difahami sebagai panduan untuk diambil iktibar dan teladan daripadanya. Semua kisah yang dinyatakan dalam al-Quran mempunyai tema dan fokus ibrah yang tersendiri. Ia merangkumi kisah para Nabi dan Rasul, kisah umat terdahulu dan juga kisah individu-individu yang terpilih. Antara kisah tersebut ialah mengenai Sarah iaitu salah seorang isteri Nabi Ibrahim AS.

Sarah merupakan isteri pertama Nabi Ibrahim AS. Walau bagaimanapun, kisah Sarah kurang mendapat perhatian dan seakan-akan tenggelam dengan kisah Hajar yang merupakan isteri kedua Nabi Ibrahim. Hajar mendapat perhatian di mata para pengkaji kerana melahirkan Ismail yang membawa keturunan Bangsa Arab sehingga lahirnya junjungan besar nabi kita, Nabi Muhammad SAW. Kisah Sarah seringkali dikaitkan dengan Hajar kerana perasaan cemburu terhadap madunya itu. Istimewanya Sarah, al-Quran memaparkan kisahnya dalam 3 surah yang berbeza. Oleh itu, penulisan ini mencungkil latar belakang Sarah dan membawakan kisahnya dalam al-Quran dengan meneliti Tafsir al-Azhar karya Prof Dr

Hamka. Kisah ini wajar untuk mendapat perhatian yang seimbang seperti perbincangan yang berlaku terhadap Hajar.

2. Tinjauan Literatur

Jabir As-Syal (1996) dalam karya beliau 'Kisah Wanita dalam al-Qur'an' secara keseluruhannya menyebut sirah wanita sama ada wanita yang baik seperti Sarah, Balqis dan Aisyah juga menyebut kisah wanita yang buruk seperti isteri Nabi Nuh dan isteri Nabi Luth. Semua kisah-kisah tersebut direkodkan dalam al-Quran sebagai garis panduan dan iktibar untuk membezakan antara yang baik dan buruk. Karya buku ini dikaitkan dengan sejarah dan pengajaran yang perlu diambil untuk menentukan kejayaan dan kegagalan seseorang. Kisah Sarah ada dikisahkan dalam buku ini, namun hanya secara ringkas.

Di dalam buku 'Women in The Qur'an, Traditions, and Interpretation' oleh Barbara Freyer Stowasser (1994) menyajikan wahyu al-Quran mengenai tokoh-tokoh wanita yang berkaitan dengan para nabi bermula daripada Nabi Adam AS sehingga Nabi Muhammad SAW. Buku ini mengaitkan hubungan antara tokoh wanita sebagai simbol budaya, dan persepsi diri Islam dari awal hingga masa kini. Naratif dan perundangan yang diungkap kemudian diteruskan melalui tafsiran abad pertengahan, moden, dan kontemporari. Terdapat sebahagian bab dalam buku ini menyentuh kisah Nabi Ibrahim AS dan pada bab ini diselitkan sedikit kisah Sarah dalam al-Quran. Merujuk kepada penulisan Barbara ini, beliau menggunakan tafsiran daripada sumber-sumber tafsir teologi yang berautoriti.

Mohd Najib et.al (2013) dalam buku berjudul '155 Kisah Teladan Untuk Wanita Muslimah' ada menyentuh tiga kisah khusus berkenaan Sarah isteri Nabi Ibrahim AS. Seperti karya penulisan buku-buku yang lain, buku ini hanya menceritakan mengenai sirah Sarah AS dan memuat naik beberapa firman Allah SWT dalam al-Quran. Penulisan ini hanya menyentuh sedikit sifat Sarah iaitu seorang yang cantik dan merupakan isteri yang paling dicintai oleh Nabi Ibrahim AS. Sebelum itu, Syed Ahmad Semait (1989) dalam penulisannya yang berjudul '100 Tokoh Wanita Terbilang' yang disunting daripada kitab Arab telah menyediakan kisah 100 tokoh wanita sama ada yang dinyatakan di dalam al-Quran mahupun tidak. Buku ini hanya memuatkan Hajar sebagai salah seorang tokoh, namun tidak Sarah. Konotasi penceritaan tentang Sarah diungkapkan secara agak negatif di celah-celah penceritaan tentang Hajar.

Berdasarkan 'Idealita Keluarga Ibrahim A.S. Dalam Perspektif Tafsir Fi Zhilalil Qur'an', penulisnya Tuti Alawiyah (2017), memilih keluarga Nabi Ibrahim AS sebagai satu gambaran yang wajar dicontohi oleh masyarakat kerana Baginda Nabi Ibrahim AS telah berjaya mendidik anak-anaknya. Baginda Nabi Ibrahim AS malah melahirkan keturunan nabi seperti Nabi Ishak AS dan Nabi Ismail AS. Fokus penceritaan hanya dipusatkan kepada kisah Nabi Ibrahim AS dan anak-anaknya. Pengkisahan Sarah dinyatakan secara ringkas berdasarkan al-Quran dan seterusnya dikaitkan dengan anaknya, Ishak. Tafsir Fi Zilal Al-Quran oleh Sayyid Qutb digunakan sebagai rujukan untuk mentafsir sirah Nabi Ibrahim AS, Sarah, Hajar dan keturunannya.

Sorotan literatur mendapati hanya sedikit kajian berkenaan dengan Sarah yang disentuh oleh para penulis. Kebanyakan sirah Sarah dikaitkan dengan Hajar. Sikap sesetengah pengkaji yang bertindak mengangkat Hajar dan mengkritik Sarah adalah satu tindakan yang tidak wajar kerana kedua-dua mereka adalah isteri nabi yang mulia, Nabi

Ibrahim a.s. Justeru, makalah ini membawa wacana perbincangan mengenai Sarah supaya mendapat tempat sama seperti perbincangan Hajar.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini bersifat kualitatif dengan rekabentuk kajian teks. Fokus diberikan kepada kisah Sarah berdasarkan dokumen-dokumen yang boleh diperolehi secara dalam talian atau secara fizikal meliputi buku, jurnal, majalah, tesis, kertas kerja dan seumpamanya. Data yang dikenalpasti dianalisis secara deskriptif berselari dengan objektif yang ingin dicapai. Analisa kandungan data merujuk kepada penjelasan secara objektif dan sistematik terhadap maklumat-maklumat yang wujud secara tersurat (Ahmad Munawar Ismail 2019).

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Latar Belakang

Menurut M Faizi dalam Tuti Alawiyah (2017), melihat kepada pelbagai sorotan kajian lepas, isteri Nabi Ibrahim yang pertama ialah Sarah binti Terah atau lebih dikenali sebagai Siti Sarah. Menurut Muhandis Azzuhri (T.th) dalam penulिसannya yang bertajuk ‘Perempuan-Perempuan Pejuang Hak-Hak Feminis Dalam Al-Quran’ menyatakan nama sebenar Sarah ialah Sarah binti Haran bin Nahur bin Saruj bin Ra’u bin Faligh.

Rizem Aizid dalam Tuti Alawiyah (2017) berkata Sarah merupakan anak perempuan daripada bapa saudara Ibrahim. Sarah juga merupakan orang pertama yang mengakui kenabian Ibrahim selain Nabi Luth, yang juga merupakan anak saudara Ibrahim. Menurut Muhandis Azzuhri (T.th), Sarah adalah wanita pertama yang beriman di saat Ibrahim a.s menyampaikan risalah Allah SWT manakala lelaki pertama yang beriman ialah Luth. Ibrahim, Sarah, dan Luth pernah berhijrah ke Barhan dan Palestin, namun mereka berpisah arah dan tujuan di akhir perjalanan. Sarah dan Ibrahim pergi ke Mesir, sedangkan Luth menuju ke Sadum dan Amurah yang mana penduduknya terkenal dengan kedegilan.

Sarah merupakan seorang wanita yang sangat cantik. Buktinya, dalam satu sejarah diceritakan bahawa Raja Namrud iaitu Raja Mesir yang terkenal dengan kezalimannya sangat menyukai wanita yang cantik. Sebagai seorang raja, dia akan menggunakan seluruh kekuasaannya untuk mendapatkan wanita yang diinginkannya dan Sarah termasuklah dalam wanita yang dia mahukan. Selain cantik, Sarah ialah wanita yang kaya raya. Buktinya, dia memberikan seluruh hartanya seperti kambing dan tanah kepada Ibrahim untuk diuruskan dan dikembangkan (Tuti Alawiyah 2017).

Seterusnya, menurut Ahmad Khalil Jam’ah & Syaikh Muhammad bin Yusuf ad-Damsyqi dalam Tuti Alawiyah (2017), Sarah merupakan ibu kepada para nabi. Setelah 90 tahun tidak dikurniakan anak, akhirnya dia dikurniakan Ishaq, seorang anak yang menurunkan keturunan nabi di kalangan Bani Israil. Al-Quran ada merekodkan sirah Sarah yang melahirkan Ishaq iaitu bapa Nabi Yaakub, keturunan nabi-nabi dari Bani Israil.

Tuti Alawiyah (2017) mengambil riwayat Rizem Aizid, Sarah meninggal pada usianya 127 tahun, yang mana pada ketika itu umur Ibrahim ialah 137 tahun. Perkiraan ini diambil berdasarkan usia Sarah ketika mengandung iaitu 90 tahun manakala Ibrahim pada ketika itu berumur 100 tahun. Ini menunjukkan perbezaan umur antara Sarah dan Nabi Ibrahim AS ialah 10 tahun.

4.2 Sarah Dalam Al-Quran

Artikel ini menggunakan sepenuhnya kitab Tafsir al-Azhar karya Prof Dr Hamka dalam mentafsirkan sirah Sarah dalam al-Quran. Pemilihan tafsir ini kerana kedudukannya sebagai salah satu tafsir yang ditulis dalam era *Iṣlāḥ al-Dīn* atau pembaharuan agama yang dipelopori oleh mujaddīd seperti Muhammad Abduh dan Rashid Reda (Wan Helmy *et.al* 2015a). Wujudnya tafsir ini adalah untuk menyelesaikan permasalahan manusia mengikut keadaan umat semasa itu. Menurut Wan Helmy *et.al* (2015b) Tafsir al-Azhar menggunakan pendekatan *tafsir ilmi*. Kata *al-tafsir* dalam al-Quran bermakna penjelasan atau perincian. Manakala kata *al-ilmi* yang kerap digunakan dalam al-Quran membawa maksud pengetahuan umum, termasuk untuk sains dan ilmu-ilmu kemanusiaan.

Menurut Howard M. Federspiel dalam Husnul Hidayati (2018) bahawa Tafsir al-Azhar atau dikenali sebagai Tafsir Hamka ini mempunyai ciri-ciri khusus sebagaimana karya penulisan tafsir Indonesia sezamannya iaitu mengetengahkan teks ayat al-Qur'an dengan maknanya, memaparkan penjelasan istilah-istilah agama yang menjadi bahagian-bahagian tertentu dari teks, penambahan bahan-bahan lain sebagai sokongan untuk membantu pembaca lebih memahami maksud dan kandungan ayat tersebut. Rententan itu, kisah Sarah dalam al-Quran ada diceritakan dalam 3 surah yang berbeza iaitu Surah Hud, Surah Ad-Dzariyat dan Surah Hijr.

4.2.1 Surah Hud

Al-Quran memaparkan sirah Sarah dalam Surah Hud pada ayat 69 sehingga 73. Berdasarkan ayat 69, diceritakan pada halaman 92 kitabnya bahawa Nabi Ibrahim didatangi tetamu iaitu utusan Allah SWT para malaikat. Kemudian, Ibrahim menghidangkan tetamunya itu anak lembu yang dipanggang. Akan tetapi, hidangan tersebut langsung tidak disentuh oleh tetamunya. Ayat seterusnya, Hamka mengambil riwayat Qatadah (halaman 93):

“Menurut adat istiadat orang Arab sejak zaman purbakala, apabila tamu datang dihidangi makanan, maka diapun makan. Itu adalah alamat yang baik. Itu adalah petanda tetamu datang dengan baik dan maksud yang baik. Tetapi, sekiranya mereka tidak mahu makan itu adalah alamat yang sangat tidak baik. Mungkin itu adalah musuh atau orang yang membahayakan.”

Maka dengan itu, Ibrahim tercengang dan berasa takut. Hamka menafsirkan sudah tentu Ibrahim berasa takut dan persoalan Baginda dijawab oleh para malaikat bahawa mereka mempunyai satu tugas yang amat penting, iaitu menyelesaikan urusan kaum Nabi Luth, penduduk dari dua buah kampung yang terkenal, Sadum dan Gamurrah (halaman 94).

Pada ayat ke 71, Hamka mendafsirkan ayat “maka tertawalah dia (Sarah)” dengan mengambil riwayat dari tafsir Ibnu Abbas, Mujahid dan Ikramah iaitu:

“Sarah tertawa akan dirinya sendiri kerana saat Sarah berdiri dia merasakan hangatnya darah haid yang keluar, setelah berpuluh tahun berhenti. Dan saat itulah, malaikat menyampaikan utusan Allah kepada kedua-dua mereka bahawa mereka akan diberikan seorang anak lelaki, Ishaq.”

Ayat 72 dan 73 merupakan perbualan antara Sarah dan malaikat. Ayat 73 tentang jawapan para malaikat “Mereka berkata: Apakah engkau merasa ajaib dari ketentuan Allah.” Hamka menafsirkannya bahawa,

“Tidaklah layak memandang ajaib akan apa-apa yang Allah SWT tentukan. Sesungguhnya jika direnungkan dengan penuh iman, semua perbuatan Allah itu adalah ajaib belaka.” (halaman 95)

Hasilnya, sirah Sarah dalam surah Hud adalah untuk menceritakan perkhabaran yang dibawa oleh para malaikat bahawa mereka suami isteri akan dikurniakan seorang cahaya mata dan anak lelaki itu kemudian hari akan menurunkan keturunan yang besar. Sarah dikatakan telah berumur dan agak tua ketika utusan itu disampaikan kepadanya.

4.2.2 Surah Hijr

Dalam Surah Hijr, al-Quran memaparkan sirah Sarah pada ayat 51 sehingga ayat 56. Hamka menafsirkan “berita juadah” pada ayat 51 ialah berkenaan beberapa malaikat yang diutuskan Allah dan setelah selesai tugas mereka menemui Nabi Ibrahim, melanjutkan perutusan kepada Nabi Luth dan keluarganya. Nabi kita, Muhammad SAW disuruh menyampaikan juga berita-berita kisah utusan-utusan ini kepada kita umatnya untuk menjadi perbandingan.

Pada halaman 38 kitabnya, penjelasan Surah Hijr ayat 52 merupakan sama penjelasannya dalam Surah Hud ayat 70 dan Surah ad-Dzariyat ayat 28 tentang apa yang menyebabkan Nabi Ibrahim timbul rasa takut. Para malaikat datang kepada Ibrahim, menurut sesetengah riwayat, Baginda suka sekali didatangi tetamu dan merasa gembira sekiranya para tamunya makan bersama. Hiba hatinya jika satu hari tiada tetamu yang dibawanya makan bersama-sama. Sarah, isteri Ibrahim disuruhnya menyediakan anak lembu yang dimasak sebagai hidangan untuk tetamunya. Akan tetapi, Seketika Ibrahim merasakan sesuatu yang lain ketika Sarah menghidangkan makanan. Bulu romanya berdiri. Ini bukan manusia! Tangan tetamunya tidak sampai kepada makanan itu maksudnya seperti kapas sahaja. Baginda ketakutan dan berkata secara terus terang, “Kami merasa takut kepada kamu, wahai tetamu kami. Katakanlah terus terang siapa kamu sebenarnya. Manusiakah kamu, jinkah atau malaikat?”

Turunnya ayat seterusnya menunjukkan jawapan yang diberikan para malaikat menjawab persoalan Ibrahim. Lalu legalah hati Ibrahim setelah mengetahui bahawa tetamunya ialah para malaikat yang membawa khabar gembira kepadanya bahawa Baginda akan dianugerahkan seorang anak lelaki. Anak lelaki itulah yang diberikan nama Ishaq juga merupakan anak keduanya. Anak sulungnya ialah Ismail, hasil pernikahannya bersama Hajar, seorang hamba (halaman 39).

Hamka menafsirkan balasan Nabi Ibrahim pada ayat 54 adalah kerana usia Ibrahim ketika itu sudah 100 tahun dan isterinya Sarah adalah mandul. Maka, dengan khabar gembira apakah yang dibawakan oleh para utusan Allah itu? Ayat-ayat seterusnya menunjukkan balasan malaikat terhadap kata-kata Ibrahim. Hamka mentafsirkan pertanyaan Ibrahim itu mengandungi unsur putus harapan. Lalu, malaikat menjawab kata-kata Ibrahim tersebut dan kemudian sedarlah Ibrahim bahawa Baginda telah bercakap salah dan membenarkan kata-kata malaikat bahawa ucapannya termasuk kata putus harapan (halaman 40).

Jelaslah, Surah Hijr ayat 51 hingga 56 ini mengisahkan Sarah dan Ibrahim didatangi tetamu iaitu para malaikat yang membawa khabar gembira kepada mereka berdua. Mereka akan dikurniakan seorang anak lelaki, Ishaq walhal mereka berdua sudah berumur dan agak tua. Hamka menafsirkan bahawa Sarah juga seorang yang mandul. Hamka memetik riwayat

Ibnu Kathir dalam tafsirnya, Ismail anak sulung Ibrahim merupakan seorang yang tua tiga belas tahun daripada Ishaq.

4.2.3 Surah Ad-Dzariyat

Al-Quran sekali lagi memaparkan sirah Sarah dalam Surah Ad-Dzariyat pada ayat 24 sehingga ayat ke-30. Sirah Sarah dalam al-Quran telah disebutkan pada sebelum ini dalam 2 surah yang lain iaitu Surah Hud dan Surah Hijr. Hamka menafsirkan ayat 24, “Adakah sampai kepada engkau berita tetamu Ibrahim yang dimuliakan?” bahawa,

“Pada suatu hari Ibrahim telah didatangi tetamu yang dimuliakan. Hal ini meninggalkan kesan kepada umat Islam bahawa tetamu Ibrahim itu adalah orang-orang yang dimuliakan juga orang-orang yang patut dihormati.”

Hamka membawakan hadith Nabi SAW yang dirawikan oleh Bukhari dan Muslim dalam penulisannya untuk menjelaskan tentang tetamu Nabi Ibrahim tersebut (halaman 26 dan 27). Dalam ayat 25, “Seketika mereka masuk kepadanya.” Hamka menyatakan tetamu Ibrahim itu adalah lebih daripada dua orang. Hamka mengambil riwayat Ibnu Kathir bahawa,

“Mereka yang dimaksudkan itu ialah Jibril, Mikail dan Israfil. Ketiga-tiga menyerupai orang-orang muda yang berwibawa dan hebat. Mereka mengucapkan salam kepada Nabi Ibrahim dan telah dijawab oleh Baginda dengan salam pula.” (halaman 27)

Ayat seterusnya mengisahkan tentang Ibrahim mengkhabarkan kedatangan tetamunya itu kepada isi rumanhnya. Setelah itu, ditangkaplah seekor lembu yang masih muda kemudian dibakar sehingga masak untuk dihidangkan kepada tetamunya tanda menghormati. Hamka mentafsirkan “Tidakkah kamu akan makan” dalam ayat 27:

Menunjukkan Nabi Ibrahim telah mempersilakan tetamunya untuk makan tetapi mereka tidak menjamah hidangan tersebut. Kerana tidak mahu makan itu barulah Ibrahim bertanya, “Tidakkah kamu akan makan?” (halaman 28).

Pada ayat ke 28 Surah ad-Dzariyat menjelaskan perihal Nabi Ibrahim yang ketakutan akan tetamunya. Hal ini telah dijelaskan asbab ketakutannya itu dalam Surah Hud dan Surah Hijr. Ibrahim ketakutan kerana merasakan tetamunya itu bukanlah seorang manusia. Peringatan mereka mengatakan tidak usah takut kepada mereka, menjadikan Ibrahim semakin yakin bahawa mereka sebenarnya bukanlah manusia melainkan malaikat (halaman 29).

Rentetan itu, sebagaimana yang dijelaskan di dalam Surah Hud ayat 71, berita gembira itu ialah isteri Nabi Ibrahim yang tua, Sarah akan dikurniakan seorang putera oleh Allah. Semenjak dari awal perkahwinan Baginda bersama Sarah, Baginda tidak dikurniakan cahaya mata dan Sarah mengizinkan Ibrahim menikahi Hajar, seorang hamba. Akhirnya, Ibrahim dianugerahkan seorang anak lelaki bernama Ismail hasil pernikahannya bersama Hajar. Kini, setelah Ismail berumur sepuluh tahun lebih, malaikat datang memberi berita gembira bahawa Sarah akan dikurnia seorang anak lelaki. Ini merupakan sebuah berita gembira dan berita yang mengejutkan. Ayat selanjutnya menggambarkan keterkejutan itu (halaman 29).

Hamka menafsirkan: *Sarah sedang berada di bahagian lain ketika suaminya menyampaikan berita gembira itu. Kemudian dia tergesa keluar, dia terjerit bercampur rasa gembira dan takjub. Dalam tafsir lain disebutkan dia terjerit kerana dia merasa bahawa dia telah mengeluarkan darah haid. Setelah itu terasa permulaan hamil dan darah haid itu mula*

tertahan. Dia menampar mukanya. Suatu hal yang ajaiblah baginya dan bagi seorang perempuan tua yang usianya sudah hampir seratus tahun dan suaminya lebih daripada seratus tahun bakal dikurniakan seorang putera. Itulah yang menyebabkan Sarah terjerit.

Ayat 30 Surah Ad-Dzariyat menunjukkan jawapan malaikat atas keterkejutan Sarah. “Demikianlah firman Tuhan engkau” demikianlah kehendak Allah SWT. Segala sesuatu yang dianggap sukar dan mengejutkan bagi manusia, kalau Allah SWT mengkehendakinya maka pasti akan berlaku. “Sesungguhnya Dia adalah Maha Bijaksana,” sehingga kerana Maha Bijaksananya Allah, harapan Sarah seorang wanita tua yang telah nyaris putus itu ditimbulkan kembali. Hamka membawakan semula penafsiran Surah Hud ayat 71 dalam menjelaskan perihal Ishaq, putera Sarah dan Ibrahim ini (halaman 30).

“Dan di belakang Ishaq itulah dilahirkan pula Yaakub.”

(Surah Hud: 71)

Yaakub inilah yang kemudian diberi nama Israil. Keturunan Yaakub yang dua belas orang disebut Bani Israil, maksudnya keturunan Israil, berkembang biak sampai kepada zaman kita sekarang ini. Sejarah telah merungkai bahawa dia adalah keturunan dari Sarah, perempuan yang nyaris putus asa. Adapun daripada saudaranya lain ibu, iaitu anak Hajar, Ismail telah berpindah ke Tanah Arab iaitu Mekah. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Ibrahim ayat 37:

“Lembah yang tidak mempunyai tumbuh-tumbuhan.”

(Surah Ibrahim: 37)

Itulah asal-usul Arab Musta'ribah, disebut juga Bani Ismail, keturunan Ismail. Berasal dari keturunan Ismail inilah lahirnya Nabi kita iaitu Nabi Muhammad SAW.

5. Rumusan dan Cadangan

Selain Hajar, Sarah juga merupakan ibu kepada para nabi. Sememangnya sejarah Hajar lebih menarik untuk dikaji kerana Hajar melahirkan Ismail dan sejarah keturunan Ismail lah yang melahirkan nabi kita yang terakhir iaitu Nabi Muhammad SAW. Namun begitu, sejarah Sarah tidak kurang menariknya jika dikaji. Sirah Sarah ada direkodkan di dalam al-Quran pada 3 surah yang berbeza sedangkan situasi surah itu adalah sama. Surah-surah tersebut ialah Surah Hud, Surah al-Hijr dan Surah Ad-Dzariyat. Pengulangan penceritaan al-Quran berkenaan dengan kisah Sarah dalam ketiga-tiga surah seperti yang dinyatakan pastinya membawa maksud dan rahsia yang tersendiri. Ini kerana, al-Quran pastinya tidak mengandungi perkara yang sia-sia. Justeru, dalam pengulangan kisah Sarah pastinya terdapat makna yang berbeza berdasarkan kepada konteks yang berbeza walaupun zahirnya kelihatan berulang. Kajian lanjut yang boleh diamati ialah berkenaan perkaitan kisah para Anbiya daripada Bani Israil dengan Sarah yang merupakan usul mereka melalui Nabi Ishaq.

Rujukan

Al-Quran.

Abdul Halim Bin Mat Diah. (1987). *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Abdul Mustaqim. (2011). Kisah Al-Qu'ran: Hakekat, Makna dan Nilai-nilai Pendidikannya. *Ulumuna*, 15(2), 265-290. <https://doi.org/10.20414/ujis.v15i2.199>

Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. (2019). *Kaedah Penyelidikan Sosial Daripada Perspektif Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit FPI Universiti Kebangsaan Malaysia.

Aidin Maghfiroh. (2018). Ibrah Kisah Nabi Daud Dalam Alquran. (Telaah Penafsiran Syaikh Nawawi Al-Bantani Atas Quran Surat Sad Ayat 21-25 Menurut Tafsir Maraah Labid). *Undergraduate thesis*, UIN Sunan Ampel Surabaya. <http://digilib.uinsby.ac.id/27084/>

Barbara Freyer Stowasser. (1994). *Women in The Qur'an, Traditions, And Interpretation*. New York: Oxford University Press.

Hamka. (2019a). *Tafsir Surah An-Nahl dan Juzuk 14*. Selangor: Publishing House Sdn Bhd.

Hamka. (2019b). *Tafsir Surah Al-Waqiah dan Juzuk 27*. Selangor: Publishing House Sdn Bhd.

Husnul Hidayati. (2018). Metodologi Tafsir Kontekstual Al-Azhar Karya Buya Hamka. Indonesia: Universitas Islam Negeri (UIN). Vol 1 No 1 (2018) Mataram. <https://doi.org/10.20414/el-umdah.v1i1.407>

Jabir Asy-Syal. (1996). *Kisah Wanita Dalam al-Quran. Batu Caves*. Thinker's Library Sdn. Bhd.

Kamus Dewan. (2010). *Edisi Keempat*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.

Mohd Anuar Ali. (T.th). Keberkesanan Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Budaya Pelajar. Kajian Di Sekolah Menengah Tun Alwi, Melaka.

Mohd Najib *et.al.* (2013). 155 Kisah Teladan Untuk Wanita Muslimah. Puchong: Pustaka Ibnu Katsir.

Muhandis Azzuhri. (T.th). Perempuan-Perempuan Pejuang Hak-Hak Feminis Dalam Alquran. *Muwazah: Jurnal Kajian Gender*, [S.l.], v.4, n.2, may 2013. ISSN 2502-5368. <http://e-journal.iainpekalongan.ac.id/index.php/Muwazah/article/view/158>

Prof. Dr. H. Abdul Malik Karim Amrullah. (1965). *Tafsir Al-Azhar Juzu' XII*. Indonesia: Yayasan Nurulislam.

Sugiyono. (2014). *Metode Penelitian Pendidikan Pendekatan Kuantitatif, Kualitatif, dan R&D*. Bandung: Alfabeta.

Syed Ahmad Semait. (1989). *100 Tokoh Wanita Terbilang*. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.

- Tuti Alawiyah. (2017). Idealita Keluarga Ibrahim A.S. Dalam Perspektif Tafsir Fi Zhilalil Qur'an. *Undergraduate thesis*, UIN Raden Intan Lampung. <http://repository.radenintan.ac.id/id/eprint/2863>
- Wan Helmy Shahrman Wan Ahmad *et.al.* (2015a). Pandangan Hamka Terhadap Ayat-Ayat Embriologi Dalam Tafsir Al Azhar. Melaka: Conference: 1st International Islamic Heritage Conference.
- Wan Helmy Shahrman Wan Ahmad *et.al.* (2015b). Al-Tafsīr Al-‘Ilmī Serta Pengaruh Al Marāghī Terhadap Tafsir Al-Azhar. Melaka: Conference: 1st International Islamic Heritage Conference.